

TATAKE- LAKUAN PERNIAGAAN

COHERENT

Daftar Kandungan

1	Pesanan daripada Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kami
2	Nilai Teras Coherent
3	Tataniaga Beretika Yang Mudah
5	Bahagian I. Pengenalan
5	I.1. Tujuan
6	I.2. Skop
6	I.3. Latihan dan Pensijilan
6	I.4. Pengecualian
7	Bahagian II. Mengajukan Pertanyaan dan Mengemukakan Kebimbangan
7	II.1. Membuat Keputusan Beretika
7	II.2. Tanggungjawab Kepimpinan
7	II.3. Mengajukan Pertanyaan dan Melaporkan Pelanggaran
8	II.4. Tiada Tindakan Balas
8	II.5. Penyiasatan
9	Bahagian III. Mengelakkan Percanggahan Kepentingan
9	III.1. Percanggahan Kepentingan
10	Bahagian IV. Menghormati Orang dan Planet
10	IV.1. Cara Kita Melayan Satu Sama Lain
10	IV.2. Hak Asasi Manusia dan Keadilan Pekerja
11	IV.3. Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja
11	IV.4. Tanggungjawab Sosial dan Alam Sekitar
12	Bahagian V. Bertindak dengan Integriti
12	V.1. Antirasuah dan Antisogokan
12	V.2. Penipuan
13	V.3. Hadiah dan Hiburan
13	V.4. Perniagaan Dalaman
13	V.5. Kegiatan Politik
14	Bahagian VI. Menjalankan Perniagaan Dengan Cara Yang Betul
14	VI.1. Antitrust dan Persaingan Yang Saksama
14	VI.2. Risikan Saingan
15	VI.3. Menjalankan Perniagaan Dengan Pembekal
16	VI.4. Berkontrak Dengan Kerajaan
16	VI.5. Boikot
17	VI.6. Pematuhan Perdagangan
17	VI.7. Kebenaran dalam Pengiklanan dan Pemasaran
17	VI.8. Mutu
17	VI.9. Topik Pematuhan Kawal Selia Lain
18	Bahagian VII. Menyimpan Rekod Yang Tepat
18	VII.1. Menyimpan Rekod Kewangan Yang Tepat dan Mematuhi Kawalan Perakaunan Dalaman
19	Bahagian VIII. Melindungi Aset dan Maklumat
19	VIII.1. Perlindungan Maklumat Sulit dan Harta Intelektual
19	VIII.2. Berkomunikasi dengan Pihak Media dan Pihak Luar Lain
19	VIII.3. Mengambil Bahagian dalam Media Sosial
20	VIII.4. Perlindungan Aset dan Sumber Coherent
20	VIII.5. Privasi Data
21	Bahagian IX. Di Mana Hendak Mendapatkan Bimbingan atau Melaporkan Isu



Pesanan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kami

Syarikat kita telah mengumpulkan ramai individu yang sangat berbakat dan berdedikasi dalam iklim perniagaan yang memperkasakan orang ramai dan pasukan untuk bergerak lebih pantas dengan ketangkasan, memanfaatkan inovasi dan bekerjasama bersama. Walau bagaimanapun, kemahiran dan keazaman kita tidak bermakna tanpa tempat kerja yang komited kepada standard tingkah laku beretika yang paling tinggi.

Di Coherent, nilai kolektif kita memperkasakan kita untuk membuat impak yang bermakna melalui tindakan kita—menunjukkan komitmen kita terhadap kakitangan, pihak berkepentingan dan rakan kongsi perniagaan kita, serta tanggungjawab kita terhadap alam sekitar dan masyarakat. Prinsip **I**(integriti), **C**(kerjasama), **A**(kebertanggungjawaban), **R**(hormat-menghormati) dan **E**(bersemangat) menjadi asas budaya global kita. Bersama-sama, prinsip ini membawa mesej “**I CARE**” yang membimbing kita dalam keputusan dan interaksi harian kita. “Tatakelakuan Perniagaan Beretika” kita merupakan salah satu cara kita mengamalkan nilai Coherent.

Di organisasi ini, kita menjunjung standard integriti tertinggi dalam semua perkara yang kita lakukan. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pasukan Kepimpinan Perusahaan, saya menjemput anda untuk mengesahkan semula dedikasi kolektif kita untuk beroperasi mengikut garis panduan undang-undang dan etika. Bersama-sama, kita boleh mencapai pencapaian yang luar biasa.

Jim Anderson
Ketua Pegawai Eksekutif

Nilai Teras Coherent

SAYA PEDULI

INTEGRITI

Mewujudkan Persekitaran Amanah

KERJASAMA

Membuat Pembaharuan Melalui Perkongsian Idea

AKAUNTABILITI

Bertanggungjawab terhadap Proses dan Hasil

HORMAT-MENGHORMATI

Mengiktiraf Nilai dalam Semua Orang

SEMANGAT WAJA

Mencari Hala Tuju dalam Kerja



Tatakelakuan Perniagaan Beretika Yang Mudah

Kod ini membantu anda membuat pilihan perniagaan yang baik Terdapat dua perkara yang penting untuk difahami tentangnya:

- 1. Ia adalah rumit** kerana ia melibatkan konsep abstrak. Sesetengah sukar difahami; yang lain mungkin asing kepada sesetengah budaya.
- 2. Ia adalah dokumen rujukan.** Kami telah merekanya untuk menyediakan jawapan kepada soalan yang melibatkan situasi yang tidak jelas.

Untuk memberi peluang terbaik dalam mendapatkan maklumat yang anda perlukan, memahaminya dan bertindak ke atasnya, kami menulis Tata ini menggunakan prinsip-prinsip bahasa mudah dan reka bentuk dokumen.

Bahasa Mudah

Kami mengelakkan bahasa yang padat, rumit. Sebaliknya, kami pilih perkataan mudah dan jelas, penjelasan ringkas.

Contoh cara untuk menggunakan Kod ini.

Kajian Kes: Adakah terdapat masalah di sini?

Bayangkan anda bekerja di Jabatan Jualan. Anda telah membaca Kod sekali, tetapi tidak ingat butirannya.

Setiap bulan di negara anda bekerja, Coherent menjual keluaran tertentu kepada kerajaan. Anda tahu harga untuk keluaran ini kerana anda menyemak invois tersebut setiap hari. Beberapa bulan yang lalu, anda mengingati satu invois yang tinggi sedikit daripada biasa – tetapi tidak cukup untuk membuat anda melaporkannya. Invois seterusnya adalah biasa. Maka, anda terlupa tentangnya.

Sebulan kemudian, surat khabar tempatan melaporkan sesuatu yang membuat anda menggelengkan kepala anda. Ia memaparkan sebuah rumah yang cantik. Rupa-rupanya, rumah ini adalah kepunyaan seorang birokrat yang bekerja di jabatan kerajaan yang membeli keluaran Coherent. Anda tertanya-tanya kepada diri anda, “Bagaimanakah seorang pegawai kerajaan mampu membeli sebuah rumah sebegitu?”

Beberapa bulan kemudian, anda melihat lagi suatu invois yang tinggi sedikit daripada biasa. Anda tidak pasti anda faham maksudnya.

Memikirkan tentangnya, sekarang anda ingat wanita yang mengeluarkan invois tersebut pernah bekerja di jabatan kerajaan ini sebelum dia bekerja untuk Coherent. Namun...anda percaya bahawa dia betul-betul jujur. Adakah terdapat masalah? Apakah yang anda harus lakukan?

Tatakelakuan Perniagaan Beretika Yang Mudah

Kod

Takrifan dan maklumat tambahan

PERUNTUKAN KOD

Semua keputusan perniagaan mesti dibuat dengan integriti dan demi kepentingan Coherent. Itu bermakna kita mesti mengelakkan situasi yang menjejaskan tujuan kita. Situasi itu wujud apabila aktiviti atau tanggungan peribadi, sosial atau kewangan, termasuk ahli keluarga tersebut—masuk campur dengan kepentingan Coherent.

Percanggahan kepentingan menjejaskan kebolehpercayaan kita dan mendedahkan Coherent kepada pemeriksaan dan risiko merosakkan nama baik kita. Malahan *percanggahan* yang kelihatan juga hendaklah dielakkan.

Anda mesti mendedahkan kepada pengurus anda dan Jabatan Undang-undang dan Pematuhan tentang mana-mana situasi yang melibatkan percanggahan kepentingan sebenar atau berpotensi, sebaik sahaja anda menyedari tentangnya. Ingat bahawa pendedahan adalah wajib, tetapi anda tidak akan didenda kerana melaporkan potensi percanggahan tersebut.

Jika anda mempunyai pertanyaan tentang percanggahan kepentingan, sila hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan, corporate.compliance@coherent.com, talian penting pematuhan atau serahkan Borang Pendedahan Percanggahan Kepentingan Coherent menggunakan pautan ini: [Borang Penyerahan](#) COI Coherent.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Di sini adalah contoh percanggahan kepentingan:

- **Kewangan:** Memegang kepentingan kewangan yang besar dalam syarikat yang mengurus niaga atau bersaing dengan Coherent.
- **Di Luar Pekerjaan atau Keanggotaan Lembaga:** Memegang jawatan lembaga pengarah di syarikat lain, jika ini mengganggu tugas-tugas anda di Coherent atau mempunyai pekerjaan kedua.
- **Menggaji Saudara-Mara atau Kawan:** Pengambilan saudara atau kawan baik sebagai pekerja, perunding, kontraktor, pembekal, pengedar atau ejen.
- **Peluang Korporat:** Mengambil kesempatan peribadi ke atas peluang perniagaan yang mungkin memanfaatkan Coherent.

Langkah 1: Meneliti Daftar Kandungan

Apabila anda bermula, anda mungkin tidak tahu di mana hendak mencari di dalam Kod. Oleh itu, bermula dengan membaca Daftar Kandungan sepintas lalu. Ia dikategorikan mengikut topik dan mempunyai tajuk kecil untuk membantu anda mengehadkan carian anda. Anda mungkin menjumpai apa yang anda sedang cari dengan cepat.

Langkah 2: Pilih topik

Pilih topik dan pergi ke halamannya. Dalam contoh tersebut, kita tunjukkan petikan daripada bahagian Percanggahan Kepentingan.

Langkah 3: Meneliti halaman

Terdapat dua bahagian kepada teks tersebut. Di sebelah kiri adalah Kod itu sendiri. Di sebelah kanan, anda akan dapati bantuan Untuk Pemahaman seperti contoh dan takrifan.

Langkah 4: Baca Kod dengan teliti

Selepas membaca Tata sekali, semak takrifan dengan teliti untuk memastikan bahawa anda memahami topik. Jika anda tidak faham, ajukan pertanyaan kepada Jabatan Undang-undang dan Pematuhan di corporate.compliance@coherent.com.

Langkah 5: Baca Bahagian Bantuan untuk Pemahaman

Lihat lajur di sebelah kanan Kod. Lajur ini mengandungi maklumat lain yang berkaitan dengan topik, daripada takrifan dan contoh, kepada pertanyaan dan jawapan.

Di sini anda akan menemui lebih banyak butiran. Bukan semua adalah berkaitan dengan carian anda, tetapi ia akan membantu anda memahami apa yang anda harus lakukan.

Langkah 6: Baca bahagian lain jika anda perlu

Anda mungkin perlu membaca bahagian lain untuk mencari topik dan situasi YANG menjawab soalan anda. Jangan berputus asa. Terus membaca. Lebih banyak anda membaca, anda akan menjadi lebih biasa dengan Kod tersebut. Itu satu perkara yang baik.

Dan jangan lupa, jika anda masih tidak menjumpai apa yang anda cari, tanyalah soalan. Kami ada untuk menjawab soalan anda: corporate.compliance@coherent.com

I. Pengenalan

I.1. Tujuan

PERUNTUKAN KOD

Coherent adalah berasaskan budaya nilai korporat yang kukuh. Nilai-nilai teras ini:

- Integriti
- Kerjasama
- Akauntabiliti
- Hormat-menghormati
- Semangat waja

dicerminkan dalam hubungan kita dengan pelanggan, pembekal, pemegang saham dan satu sama lain. Kod kami direka untuk menggalak dan menyokong:

- Kejujuran dan tingkah laku beretika;
- Pendedahan yang lengkap, tepat pada masanya, dan jelas dalam laporan kepada pengawal atur dan orang awam;
- Pematuhan undang-undang, peraturan dan pengawalan terpakai; dan
- Pengesanan segera dan pelaporan pelanggaran yang berpotensi berlaku.

Tata ialah sumber untuk membimbing keputusan perniagaan harian di Coherent. Sebahagian besar prinsipnya adalah bersifat umum. Ia tidak bertujuan untuk merangkumi setiap situasi yang anda mungkin hadapi. Anda perlu mempertimbangkan dengan baik, merujuk kepada dasar syarikat, dan mendapatkan bantuan jika anda mempunyai soalan tentang apa yang perlu dilakukan.

Sebagai syarikat global, kita tertakluk pada undang-undang bidang kuasa yang banyak di seluruh dunia. Anda perlu mematuhi semua undang-undang, peraturan dan pengawalan yang terpakai kepada anda. Jika undang-undang adalah lebih berkenaan daripada Kod tersebut, maka anda perlu untuk mematuhi undang-undang itu. Jika anda mempunyai pertanyaan tentang undang-undang yang berkenaan dengan anda, sila hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan atau hantar e-mel ke corporate.compliance@coherent.com.

Disiplin akan dibincangkan kemudian dalam Kod, tetapi penting untuk ditegaskan bahawa melanggar Kod boleh membawa akibat yang serius, termasuk penamatan pekerjaan. Akibat lain mungkin termasuk kehilangan kepercayaan, kehilangan perniagaan atau malahan pelanggaran jenayah atau penalti kawal selia terhadap Coherent.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Apabila kita merujuk kepada **Kod**, kita merujuk kepada Tatakelakuan Perniagaan Beretika.

Apabila kita berbincang tentang **Coherent** atau **syarikat**, kita bermaksud Coherent Corp. dan setiap anak syarikatnya.

Semua bahagian Coherent, bukan sahaja syarikat induk, dijangka mematuhi Kod tersebut.

I. Pengenalan

I.2. Skop

PERUNTUKAN KOD

Tata tersebut terpakai kepada semua orang dalam syarikat, termasuk Lembaga Pengarah. Ia juga terpakai kepada kontraktor, perunding, pekerja sementara, pembekal dan pihak ketiga yang lain. Mana-mana perjanjian dengan pihak ketiga hendaklah termasuk pernyataan yang jelas yang kita menghendaki mereka untuk mematuhi Kod tersebut.

Piawai etika tinggi yang sama adalah terpakai kepada semua orang, tanpa mengira kerja atau tahap dalam organisasi. Kita semua mesti mematuhi Tata tersebut semasa menjalankan perniagaan Coherent. Anda bertanggungjawab untuk tahu tentang Kod dan keperluannya.

I.3. Latihan dan Pensijilan

PERUNTUKAN KOD

Dari semasa ke semasa, kita akan meminta anda untuk melengkapkan latihan pematuhan mandatori. Tidak semua latihan adalah terpakai kepada anda. Latihan itu sendiri akan menjelaskan siapa yang perlu melengkapkannya, dan masa paling lewat untuk melengkapkannya.

Setiap tahun kita juga akan meminta pekerja tertentu untuk mengesahkan bahawa mereka:

- Telah menyemak semula dan memahami Tata tersebut;
- Telah mematuhi keperluannya, dan bersetuju mematuhi pada masa depan; dan
- Tidak tahu tentang apa-apa pelanggaran.

I.4. Pengecualian

PERUNTUKAN KOD

Coherent jarang membenarkan pengecualian terhadap pematuhan Kod, dan **hanya jika sah** dan demi kepentingan syarikat untuk berbuat demikian. Jika anda fikir anda memerlukan penafian, atau jika seseorang meminta anda untuk melakukan sesuatu yang mungkin memerlukan penafian, sila hubungi *Ketua Pegawai Pematuhan*. Penafian untuk pekerja pegawai bukan eksekutif mesti diluluskan oleh kedua-dua *Ketua Pegawai Pematuhan* serta *Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif*.

Penafian untuk pengarah atau pegawai eksekutif hanya boleh diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah yang tidak terlibat dalam penepian. Penafian tersebut juga mesti didedahkan secara awam.

Ketua Pegawai Pematuhan menyimpan rekod semua Penafian Kod.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

S. Mengapakah Tata ini terpakai begitu meluas?

A. Syarikat menghendaki pekerjaanya dan Lembaga Pengarah untuk mematuhi Kod tersebut kerana kedua-dua pihak mempunyai kewajiban untuk mengekalkan piawai etika Coherent yang tinggi dan menegakkan undang-undang. Kontraktor, perunding, pekerja sementara, pembekal dan pihak ketiga yang lain juga dijangka untuk mematuhi Tata tersebut disebabkan oleh hubungan mereka dengan syarikat.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Tiada sesiapa pun, termasuk pengurus anda, boleh meminta anda untuk melanggar Tata tersebut. Jika seseorang meminta anda untuk melakukan sesuatu yang anda fikir akan mencabul Kod, sila hubungi *Ketua Pegawai Pematuhan*.

Jika anda berasa tidak selesa melakukan sesuatu walaupun penepian diberikan, pastikan untuk bersuara. Anda tidak akan dikenakan tindakan balas kerana bersuara.

II. Mengajukan Pertanyaan dan Mengemukakan Kebimbangan

II.1. Membuat Keputusan Beretika

PERUNTUKAN KOD

Setiap daripada kita mesti menyedari isu etika dan melakukan perkara yang betul dalam aktiviti perniagaan kita.

Ketika berdepan dengan keputusan beretika, pertimbangkan soalan-soalan ini untuk membantu anda membuat keputusan yang betul:

- Apakah yang *dirasakan* betul atau salah tentang tindakan yang dirancang ini?
- Adakah tindakan tersebut selaras dengan dasar dan tatacara Kod serta Coherent?
- Bagaimanakah tindakan tersebut akan kelihatan kepada pengurus anda, pegawai eksekutif syarikat, Lembaga, pelanggan, pengawal selia atau orang awam?
- Adakah ia akan membantu anda jika anda meminta pendapat orang lain sebelum bertindak?

Jika anda tidak pasti tentang suatu soalan etika, dapatkan bimbingan dengan cepat. Kita mempunyai banyak sumber yang tersedia untuk membantu anda membuat keputusan yang terbaik (lihat Bahagian IX: Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan atau Melaporkan Isu).

II.2. Tanggungjawab Kepimpinan

PERUNTUKAN KOD

Menguruskan warga kerja di Coherent bermaksud anda menerima lebih banyak tanggungjawab. Pengurus-pengurus mesti komited terhadap nilai-nilai melalui tindakan mereka. Mereka mesti menggalakkan suatu persekitaran di mana pematuhan adalah perlu dan tingkah laku beretika adalah norma. Tiada pengurus boleh meminta pekerja Coherent untuk meringankan peraturan atau melanggar undang-undang atau Kod.

II.3. Mengajukan Pertanyaan dan Melaporkan Pelanggaran

PERUNTUKAN KOD

Jangan tunggu untuk bertanya jika tindakan tertentu mungkin melanggar Kod. Berjaga-jaga dan laporkan kesalahan yang disyaki berlaku.

Jika anda melanggar Kod anda mungkin menghadapi:

- Tindakan disiplin, terdiri daripada amaran atau teguran hingga penamatan pekerjaan; dan
- Pendakwaan jenayah jika anda melanggar undang-undang jenayah.

Lihat Bahagian IX tentang di mana pertanyaan anda boleh diperoleh atau memfailkan laporan.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Budaya berbeza tentang apa yang betul dalam situasi tertentu. Tata menerangkan secara jelas jangkaan yang diharapkan daripada anda oleh Coherent, tidak kira di mana-mana jua anda berada.

II. Mengajukan Pertanyaan dan Mengemukakan Kebimbangan

II.4. Tiada Tindakan Balas

PERUNTUKAN KOD

Bersuara memerlukan keberanian. Itulah sebabnya Coherent tidak bertolak ansur terhadap tindakan balas dalam apa-apa jua bentuk. Jika anda mempunyai kebimbangan yang sah, kita mahu anda melaporkannya tanpa berasa takut dikenakan tindakan balas.

Pelaporan yang jujur tidak bermakna bahawa anda mestilah betul apabila anda mengemukakan kebimbangan, tetapi sesungguhnya anda percaya bahawa laporan yang dibuat adalah tepat. Coherent akan menyiasat semua laporan yang dibuat secara tulus dan akan merahsiakannya sebanyak yang mungkin.

Tiada sesiapa pun dibenarkan membalas dendam terhadap seseorang yang melaporkan suatu pelanggaran. Sesiapa pun yang melakukan demikian akan menghadapi tindakan disiplin yang mungkin termasuk penamatan pekerjaan.

Jika anda percaya seseorang telah membalas dendam terhadap anda kerana anda telah melaporkan kebimbangan yang sah atau beretika, anda harus dengan segera:

- Hubungi Talian Pematuhan pada nombor yang disenaraikan dalam Bahagian IX untuk lokasi anda;
- Laporkannya di www.Coherent.ethicspoint.com; atau
- Maklumkan Sumber Manusia atau ahli pasukan Undang-undang dan Pematuhan.

Walaupun syarikat akan melindungi sesiapa pun yang mengemukakan kebimbangan secara jujur, ia juga merupakan suatu pelanggaran Kod untuk:

- Membuat tuduhan jika anda tahu ia adalah palsu;
- Berbohong kepada penyiasat; atau
- Mengganggu atau enggan memberikan kerjasama kepada siasatan.

II.5. Penyiasatan

PERUNTUKAN KOD

Coherent menghendaki semua pekerja untuk memberi kerjasama di waktu siasatan.

Kita menganggap laporan salah laku sebagai sesuatu yang serius. Kita mengkaji semula setiap laporan, menyiasat hal untuk menentukan sama ada Kod, dasar syarikat atau undang-undang telah dilanggar, dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Semasa anda membuat laporan melalui Talian Bantuan Pematuhan, anda boleh merahsiakan identiti anda, tetapi kami menggalakkan anda untuk mengenal pasti diri anda kerana itu membolehkan kami menghubungi anda jika kami memerlukan maklumat lanjut. Jika anda memberitahu kita siapa anda, kita mengambil langkah berjaga-jaga untuk merahsiakan identiti anda semasa menjalankan siasatan. Jika kita tidak tahu siapa anda, kita tidak boleh memaklumkan hasil siasatan tersebut kepada anda.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Tindakan balas bermaksud menyerang seseorang kerana mereka melakukan sesuatu yang anda tidak sukai.

Terdapat pelbagai jenis tindakan balas. Ia mungkin adalah ancaman lisan atau fizikal atau pihak pengurusan yang menghamburkan kata-kata makian. Jika anda tidak pasti sama ada anda merupakan mangsa tindakan balas, sila berbincang dengan HR atau seseorang di Jabatan Undang-undang dan Pematuhan.

III. Mengelakkan Percanggahan Kepentingan

III.1. Percanggahan Kepentingan

PERUNTUKAN KOD

Semua keputusan perniagaan mesti dibuat dengan integriti dan demi kepentingan Coherent. Itu bermakna kita mesti mengelakkan situasi yang menjejaskan tujuan kita. Situasi itu wujud apabila aktiviti atau tanggungan peribadi, sosial atau kewangan, termasuk ahli keluarga tersebut—masuk campur dengan kepentingan Coherent. Percanggahan kepentingan menjejaskan kebolehpercayaan kita dan mendedahkan Coherent kepada pemeriksaan dan risiko merosakkan nama baik kita. Malahan percanggahan yang kelihatan juga hendaklah dielakkan.

Anda mesti mendedahkan kepada pengurus anda dan Jabatan Undang-undang dan Pematuhan tentang mana-mana situasi yang melibatkan percanggahan kepentingan sebenar atau berpotensi, sebaik sahaja anda menyedari tentangnya. Ingat bahawa pendedahan adalah wajib, tetapi anda tidak akan didenda hanya kerana melaporkan potensi percanggahan tersebut. Ia adalah betul-betul penting bagi anda untuk berbincang dengan pengurus anda tentang perunding dan pekerjaan lain yang berpotensi. Jika aktiviti anda mengganggu kebolehan anda untuk menjalankan kerja anda sepenuhnya di Coherent, atau membuatkan anda sukar untuk mengekalkan kerahsiaan maklumat Coherent, pengurus anda boleh meminta anda supaya tidak mengejar peluang tersebut.

Jika anda mempunyai pertanyaan tentang percanggahan kepentingan, sila hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan, e-mel corporate.compliance@coherent.com atau serahkan Borang Pendedahan Percanggahan Kepentingan Coherent menggunakan [pautan ini](#).

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Di sini adalah contoh percanggahan kepentingan:

- **Kewangan:** Memegang kepentingan kewangan yang besar dalam syarikat yang berurus niaga atau bersaing dengan Coherent.
- **Di Luar Pekerjaan atau Keanggotaan Lembaga:** Berkhidmat dalam lembaga pengarah syarikat lain atau mempunyai pekerjaan kedua, jika mana-mana daripada dua perkara ini mengganggu tugas anda di Coherent.
- **Menggaji Saudara-Mara atau Kawan:** Pengambilan saudara atau kawan baik sebagai pekerja, perunding, kontraktor, pembekal, pengedar atau ejen.
- **Peluang Korporat:** Mengambil kesempatan peribadi ke atas peluang perniagaan yang mungkin memanfaatkan Coherent.

IV. Menghormati Orang dan Planet

IV.1. Cara Kita Melayan Satu Sama Lain

PERUNTUKAN KOD

Setiap daripada kita mesti mewujudkan tempat kerja yang positif dengan budaya amanah dan hormat-menghormati. Ini bermaksud melayan satu sama lain dengan adil, saling hormat menghormati dan bersopan-santun.

Setiap daripada kita memberi sumbangan terhadap budaya yang berdasarkan pada asas perangkuman dan kerjasama. Coherent yakin dengan peluang pekerjaan yang sama rata. Kami mengambil anda bekerja untuk kebolehan anda melakukan pekerjaan, bukan kerana bangsa, agama, jantina atau umur anda.

Kita tidak bertolak ansur dengan apa-apa jenis gangguan atau membuli. Terdapat pelbagai bentuk gangguan dan membuli, termasuk:

- Permintaan seksual, sentuhan atau komen yang tidak diingini;
- Kata-kata atau kelakuan yang mengancam atau menyinggung perasaan;
- Jenaka, e-mel atau kelakuan yang tidak profesional lain yang menghina, yang mengecil-ngecilkan atau tidak senonoh.

Membalas dendam terhadap sesiapa pun yang melaporkan kebimbangan diskriminasi atau gangguan adalah dilarang. Untuk maklumat lanjut, lihat Bahagian II.4 daripada Kod.

Sila baca Dasar Antidiskriminasi, Gangguan dan Pembulian kami di laman intranet Coherent untuk mengetahui lebih lanjut.

IV.2. Hak Asasi Manusia dan Keadilan Pekerja

PERUNTUKAN KOD

Coherent menyokong asas-asas hak asasi manusia – nilai-nilai yang wujud dalam semua manusia. Ini bermakna bahawa kita mempunyai hala tuju untuk melayan semua manusia dengan maruah, kesaksamaan dan hormat-menghormati. Kita meminta para pembekal dan kontraktor kita untuk melakukan yang sama, menjaga kesihatan dan keselamatan pekerja mereka dan mematuhi undang-undang hak asasi manusia. Coherent tidak menerima buruh paksa, pemerdagangan manusia, layanan individu yang menjatuhkan martabat atau keadaan kerja yang tidak selamat.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Buruh Paksa ialah keadaan yang melibatkan pemaksaan orang untuk bekerja menggunakan keganasan atau intimidasi, atau dengan cara muslihat seperti hutang yang terkumpul, penahanan dokumen pengenalan atau ugutan untuk dilaporkan kepada pihak berkuasa imigresen.

IV. Menghormati Orang dan Planet

IV.3. Keselamatan dan Kesehatan Tempat Kerja

PERUNTUKAN KOD

Amat penting bagi Coherent untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat bagi para pekerja dan pelawat. Anda mesti mengambil langkah-langkah untuk melindungi diri anda, rakan sekerja anda dan pelawat untuk membuat tempat kerja kita selamat dan sihat. Ini termasuk yang berikut:

- Segala protokol, peraturan dan amalan Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran Coherent; dan
- Undang-undang yang berkenaan dengan anda dan pekerjaan anda.

Laporkan serta-merta kepada penyelia anda apa-apa kemalangan, kecederaan, penyakit kerja, amalan yang tidak selamat atau bahaya, walaupun jika anda sendiri tidak melihat ia berlaku atau anda tidak terlibat secara langsung.

Menjaga keselamatan tempat kerja kita bermaksud bahawa anda tidak datang kerja selepas minum minuman keras, mengambil dadah haram atau penggunaan bahan-bahan lain yang mengurangkan keupayaan anda untuk melakukan kerja anda dengan selamat.

Tempat kerja yang selamat juga bermaksud tiada sesiapa boleh mengancam atau menggertak orang lain secara fizikal dengan keganasan atau dengan cara yang lain. Kita tidak terima percakapan tentang keganasan atau malahan gurauan tentang keganasan.

Senjata, senjata api, amunisi, bunga api dan bahan letupan tanpa kebenaran dilarang di harta tanah syarikat dan dalam kenderaan syarikat.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat Dasar Penyalahgunaan Bahan Korporat, Dasar EHS Korporat serta Dasar Keganasan dan Senjata di Tempat Kerja kita di laman intranet Coherent.

IV.4. Tanggungjawab Sosial dan Alam Sekitar

PERUNTUKAN KOD

Coherent sentiasa menjalankan perniagaan dalam cara yang bertanggungjawab. Kita semua mesti bekerja dengan cara yang memelihara alam sekitar dan menunjukkan kewarganegaraan korporat yang baik terhadap dunia di sekeliling kita. Sebagai sebuah syarikat, kami mengakui bahawa kerumitan, skop dan jangkauan operasi global kita yang kian berkembang serta impak kami terhadap pekerja, pembekal, pelanggan, komuniti dan dunia secara umum. Pengiktirafan ini memperakui tanggungjawab dan menyebabkan kita mengambil tindakan. Untuk itu, syarikat telah menubuhkan Pasukan ESG korporat untuk memantau dan menyemak dasar, program serta amalan Coherent berkenaan isu dasar awam yang merangkumi keselamatan, latihan dan kesejahteraan pekerja yang sewajarnya; hak manusia; perlindungan alam sekitar; pemuliharaan tenaga dan air; pengurangan bahan buangan yang berbahaya dan tidak berbahaya; pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan gas lain; penglibatan komuniti; kepelbagaian; program kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman; program berkualiti; etika; tadbir urus dan pematuhan. Pasukan ESG diketuai oleh Ketua Pegawai Kemampunan dan usaha mereka ditadbir urus oleh Jawatankuasa ESG Lembaga Pengarah Coherent.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat Dasar Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus kita yang terletak di laman intranet Coherent.

V. Bertindak dengan Integriti

V.1. Antirasuah dan Antisogokan

PERUNTUKAN KOD

Amerika Syarikat dan banyak negara lain tempat kita beroperasi mempunyai undang-undang terhadap rasuah, wang sogokan dan pembayaran lain yang tidak wajar.

Ketika anda bertindak bagi pihak Coherent sebagai pengarah, pekerja, pegawai, ejen, perunding atau kontraktor bebas, anda dilarang daripada menawarkan atau memberikan rasuah atau manfaat lain yang tidak wajar untuk memenangi perniagaan atau memperoleh kelebihan yang tidak adil untuk diri anda atau Coherent.

Untuk melihat lebih lanjut, lihat Dasar Antisogokan dan Antirasuah kita di laman intranet Coherent.

V.2. Penipuan

PERUNTUKAN KOD

Mengambil bahagian dalam aktiviti yang melibatkan ketidakjujuran adalah tidak diterima, tanpa mengira betapa terhad peranan anda. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuk:

- Pencurian;
- Penipuan;
- Penggelapan wang;
- Pemerasan;
- Salah guna harta benda; dan
- Menolong untuk menyembunyikan, mengubah, memalsukan atau tidak memasukkan maklumat daripada rekod Coherent.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Faedah yang tidak wajar boleh merangkumi wang tunai, hadiah, hidangan, pertolongan, perjalanan dan penginapan, hiburan, perkhidmatan peribadi, peluang perniagaan dan tawaran pekerjaan.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Contoh penipuan termasuk:

- Sengaja menukar rekod perakaunan untuk membuatnya kelihatan lebih baik atau lebih buruk. Ini juga dipanggil "pemalsuan rekod."
- Menyembunyikan atau tidak memasukkan kesan transaksi daripada rekod perniagaan.
- Membuat pembelian peribadi menggunakan kad kredit atau bayaran Coherent.
- Mencari pembayaran balik perbelanjaan untuk aktiviti-aktiviti peribadi dan tidak berkaitan dengan perniagaan.

V. Bertindak dengan Integriti

V.3. Hadiah dan Hiburan

PERUNTUKAN KOD

Jangan sekali-kali menerima atau memberikan hadiah – yang bermaksud apa-apa yang bernilai, seperti hadiah, wang, pertolongan, perjalanan atau hiburan – jika penerima akan berasa terhutang budi atau kelihatan terhutang budi.

Kita melarang yang berikut, sama ada untuk diri anda atau Coherent:

- Memberikan atau menerima hadiah yang tidak wajar, mewah atau berulang, walaupun boleh diterima oleh adat tempatan.
- Meminta hadiah, perkhidmatan atau sumbangan daripada penjual, pembekal atau rakan kongsi perniagaan yang lain.

Sebagai peraturan, apabila memberi atau menerima hadiah, anda sentiasa harus bertanya diri sendiri, “bagaimanakah ini akan kelihatan jika disiarkan di media sosial, televisyen atau di surat khabar?” Jika jawapan adalah “tidak baik untuk syarikat atau saya,” oleh yang demikian anda tidak harus memberi atau menerima hadiah.

Ingat bahawa pekerja entiti kerajaan di seluruh dunia lazimnya dilarang daripada menerima walaupun hadiah atau hiburan yang paling sederhana.

Jika anda berurusan dengan pegawai kerajaan sebagai sebahagian daripada kerja anda, baca dan ikuti Tatakelakuan Global Coherent dan Pernyataan Dasar untuk Bekerja dengan Kerajaan dan Dasar Antisogokan dan Antirasuah Coherent yang terletak di laman intranet Coherent.

V.4. Perniagaan Dalaman

PERUNTUKAN KOD

Pelabur dan orang awam menaruh kepercayaan kepada kita kerana kita menghormati undang-undang kewangan.

Ini bermaksud bahawa anda tidak berdagang saham Coherent atau sekuriti lain berdasarkan maklumat penting yang orang awam tidak dapat lihat, tetapi anda boleh. Kita juga tidak berkongsi maklumat ini.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, baca Dasar Perdagangan Orang Dalam dan Memberikan Maklumat Coherent yang terletak di laman intranet Coherent.

V.5. Kegiatan Politik

PERUNTUKAN KOD

Coherent membenarkan anda untuk mengambil bahagian dalam proses politik dan awam di mana penyertaan adalah sah. Sebagai penduduk, atau pelawat ke, tempat tertentu, penyertaan sivil dan politik anda mestilah sah di tempat tersebut. Jika anda tidak pasti tentang undang-undang di sesebuah negara tertentu, sila hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan.

Jika anda menyatakan pandangan politik peribadi di media sosial seperti WeChat atau Facebook, atau di media tradisional seperti surat khabar, ia haruslah jelas bahawa anda menyatakan pandangan anda sendiri, dan bukan Coherent. Jangan gunakan logo, kepala surat atau e-mel syarikat Coherent atau membuat rujukan kepada alamat perniagaan atau nama jawatan anda.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang penggunaan media sosial, sila baca Dasar Media Sosial Coherent yang terletak di laman intranet Coherent.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

- S.** Sebagai sebahagian daripada pekerjaan saya di Coherent, saya berinteraksi dengan pelanggan, dari semasa ke semasa saya mengajak mereka untuk makan tengah hari atau makan malam. Adakah ini dibenarkan?
- J.** Mengajak pelanggan untuk makan hidangan yang harganya berpatutan kerap menunjukkan tanda budi bahasa dan bukan mencuba mempengaruhi keputusan perniagaan. Walau bagaimanapun, hidangan atau hiburan tidak harus kerap, dan tidak patut melampaui batas.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

- S.** Tempat kerja saya adalah di makmal. Bagaimanakah ini terpakai kepada saya?
- J.** Jika anda mempunyai maklumat tentang Coherent yang tidak tersedia kepada orang awam dan bahawa seseorang pelabur dalam Coherent ingin tahu dalam menentukan sama ada untuk membeli atau menjual saham Coherent, maka undang-undang perdagangan dalaman terpakai kepada anda.

VI. Menjalankan Perniagaan Dengan Cara Yang Betul

VI.1. Antitrust dan Persaingan Yang Saksama

PERUNTUKAN KOD

Coherent percaya dengan persaingan bebas dan terbuka.

Mutu keluaran dan komitmen kita kepada pelanggan bermaksud kita boleh bersaing secara beretika dengan mana-mana pesaing. Di kebanyakan negara di mana kita beroperasi, undang-undang yang ketat melarang tingkah laku perniagaan yang tidak adil yang menjejaskan persaingan bebas. Kedua-dua Coherent dan pekerja yang melanggar undang-undang tersebut boleh dikenakan hukuman berat.

Sila ambil perhatian bahawa pesaing juga mungkin adalah pelanggan dan pembekal. Jika anda memerlukan bantuan memahami kesan peranan yang berbeza ini terhadap tanggungjawab undang-undang kita, sila hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, baca Dasar Antitrust dan Undang-undang Persaingan Coherent yang terletak di intranet Coherent.

VI.2. Risikan Saingan

PERUNTUKAN KOD

Mengumpul maklumat tentang pembekal kami, pelanggan, pesaing atau faktor pasaran, yang kadang-kadang dipanggil **risikan saingan**, adalah amalan perniagaan yang sah. Kita tidak boleh menggunakan kaedah yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika untuk mendapat risikan saingan. Coherent mempunyai dasar berkenaan mengumpulkan maklumat berdaya saing. Semasa bekerja dengan perunding, penjual dan rakan kongsi perniagaan lain, anda mesti memastikan bahawa mereka memahami dan mengikutinya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, baca Dasar Antitrust dan Undang-undang Persaingan Coherent yang terletak di intranet Coherent.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Adalah menjadi satu kesalahan undang-undang untuk Coherent berpakat atau membuat rancangan sulit dengan pesaing kita untuk:

- Menentukan harga yang dibayar oleh pelanggan untuk keluaran. Ini dipanggil penetapan harga.
- Menyediakan bida di mana pemenangnya sudah ditentukan terlebih dahulu. Ini dikenali sebagai manipulasi bida ('bid rigging').
- Enggan berurusan dengan pelanggan atau pesaing lain. Ini dikenali sebagai boikot.
- Menetapkan atau menjejaskan jumlah keluaran yang akan dijual ke dalam pasaran.
- Membahagikan atau memperuntukkan pasaran, kawasan atau pelanggan.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Sumber sah risikan saingan termasuk:

- Akaun baharu.
- Tinjauan pasaran atau industri.
- Pameran pesaing di persidangan dan pameran perdagangan.
- Maklumat yang boleh diperolehi secara awam di internet, atau di perniagaan atau jurnal lain.

VI. Menjalankan Perniagaan Dengan Cara Yang Betul

VI.3. Menjalankan Perniagaan Dengan Pembekal

PERUNTUKAN KOD

Coherent yakin dengan menjalankan perniagaan dengan pihak ketiga yang mengamalkan piawai etika tingkah laku perniagaan yang tinggi. Kita bergantung pada pembekal, kontraktor dan perunding kita untuk membantu kita mencapai matlamat. Hakikatnya, prestasi ESG pembekal merupakan bahagian penting apabila kita membuat keputusan pemerolehan. Pembekal kita adalah sebahagian daripada pasukan Coherent, oleh itu kita sentiasa harus memperlakukan mereka menurut nilai-nilai kita sendiri dan mengharapkan mereka untuk beroperasi dengan kita.

Keputusan pembelian kita adalah berdasarkan nilai keseluruhan kepada Coherent. Ini termasuk pematuhan dengan undang-undang dan objektif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus. Jumlah nilai juga termasuk mutu keluaran dan proses, kesesuaian, prestasi, kebolehskalaan, perkhidmatan, teknologi, kesinambungan perniagaan, dan harga. Pemerolehan yang betul mewajibkan kita untuk:

- Menjalankan perniagaan dengan pembekal yang diluluskan.
- Menggunakan perjanjian pembekal yang diluluskan Coherent.
- Mengesahkan maklumat penting tentang pembekal, seperti status kewangan dan perundangan, mengikuti proses yang dibangunkan oleh Jabatan Pemerolehan.
- Memastikan bahawa perjanjian pembelian menerangkan dengan jelas perkhidmatan atau keluaran mana yang kita beli, asas bayaran dan jumlah wang yang perlu dibayar.
- Mengesahkan bahawa invoice menerangkan dengan jelas nilai sebenar barangan dan perkhidmatan yang disediakan.
- Pembekal tidak boleh memberikan hadiah kepada, atau menerima hadiah daripada, jika hadiah akan menjejaskan pertimbangan perniagaan pihak lain atau memberi gambaran bahawa pertimbangan pihak lain mungkin terjejas.
- Enggan berurusan dengan pembekal yang menggunakan buruh kanak-kanak atau buruh paksa.
- Enggan berurusan dengan pembekal yang menggunakan hukuman fizikal atau tahanan untuk mendisiplinkan pekerja, walaupun amalan tersebut dibenarkan oleh undang-undang tempatan.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Perjanjian pembekal yang diluluskan Coherent adalah yang disediakan oleh Coherent atau yang disediakan oleh pembekal dan diluluskan oleh Jabatan Undang-undang dan Pematuhan.

Bayaran kepada pembekal:

- Mesti dibayar hanya kepada individu atau syarikat yang benar-benar menyediakan barangan atau perkhidmatan.
- Harus dibuat di negara di tempat pembekal menjalankan perniagaan, atau di tempat barangan dijual atau perkhidmatan disediakan.

VI. Menjalankan Perniagaan Dengan Cara Yang Betul

VI.4. Berkontrak Dengan Kerajaan

PERUNTUKAN KOD

Sesetengah urusan perniagaan kita adalah dengan entiti kerajaan. Semasa kita mengurus niaga dengan kerajaan, kita mempunyai keperluan berbeza daripada amalan komersial biasa. Coherent mesti sentiasa mengikuti undang-undang dan peraturan kontrak kerajaan tempatan. Jika anda mempunyai pertanyaan tentang keperluan kontrak kerajaan, sila hubungi pengurus anda atau Jabatan Undang-undang dan Pematuhan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila baca Tatakelakuan Global dan Pernyataan Dasar untuk Bekerja dengan Kerajaan kita yang terletak di laman intranet Coherent.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

- S. Bagaimanakah menjadi seorang kontraktor kerajaan berbeza daripada jenis kerja yang lain?
- J. Interaksi perniagaan dengan entiti kerajaan sering mempunyai peraturan dan keperluan yang ketat. Kita mesti mematuhi kedua-dua keperluan berkontrak dan peraturan kerajaan.

VI.5. Boikot

PERUNTUKAN KOD

Boikot politik berlaku semasa negara atau syarikat secara sukarela berhenti menggunakan, membeli atau berurusan dengan individu, organisasi, atau negara untuk menunjukkan bantahan, biasanya atas sebab-sebab sosial atau politik.

Coherent hanya bekerjasama dengan boikot yang diluluskan oleh kerajaan A.S. Jika anda menerima permintaan boikot, sila hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan dengan segera dan **jangan membalas atau memaklumi permintaan tersebut**. Jika anda berada di luar A.S. dan mempunyai pertanyaan tentang sama ada boikot yang diluluskan oleh A.S. menjejaskan anda, sila hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan atau e-mel corporate.compliance@coherent.com.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Terdapat pelbagai bentuk permintaan boikot. Ia mungkin adalah permintaan secara langsung untuk memberikan maklumat. Ia mungkin adalah permintaan untuk mengambil tindakan atau malahan menahan diri daripada mengambil tindakan yang boleh menyokong atau menggalakkan boikot. Ia mungkin muncul dalam jemputan untuk bida, kontrak, pesanan belian, surat kredit atau dokumen kewangan lain.

VI. Menjalankan Perniagaan Dengan Cara Yang Betul

VI.6. Pematuhan Perdagangan

PERUNTUKAN KOD

Coherent komited untuk mematuhi undang-undang kawalan perdagangan A.S. dan bidang kuasa lain di tempat kita beroperasi. Sebagai sebuah syarikat yang berpangkalan di A.S., kita mengikut:

- Undang-undang import, eksport, tarif (duti kastam) dan sekatan A.S., termasuk Peraturan Perdagangan Senjata Antarabangsa ("ITAR") yang ditadbir oleh Jabatan Negara, Peraturan Pentadbiran Eksport ("EAR") yang ditadbir oleh Jabatan Perdagangan, sekatan yang ditadbir oleh Pejabat Kawalan Aset Luar Negara ("OFAC") serta undang-undang dan peraturan import yang ditadbir oleh Kastam dan Perlindungan Sempadan A.S. ("CBP"); dan
- Undang-undang perdagangan global di negara lain di tempat kita berniaga.

Peraturan sebegini, yang tujuannya untuk melindungi dasar luar negara yang penting dan kepentingan keselamatan negara, secara langsung memberi kesan kepada produk, teknologi dan operasi kita. Aktiviti perniagaan, bermula daripada pertukaran maklumat teknikal kepada penerimaan dan penyiapan jualan eksport, yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang kawalan perdagangan yang terpakai adalah dilarang sama sekali. Kakitangan Coherent dan pihak ketiga - sama ada menjalankan perniagaan dengan Coherent atau bertindak bagi pihaknya - dijangka mematuhi undang-undang perdagangan yang berkenaan.

Pertanyaan tentang pematuhan undang-undang perdagangan hendaklah ditujukan kepada Pematuhan Perdagangan Global Coherent di trade.compliance@coherent.com. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk Dasar Pematuhan Eksport dan Pernyataan Komitmen Pengurusan Pematuhan Perdagangan Global di laman intranet Coherent.

VI.7. Kebenaran dalam Pengiklanan dan Pemasaran

PERUNTUKAN KOD

Pemasaran, pengiklanan dan bahan jualan kita mesti berdasarkan fakta dan seberapa tepat yang mungkin, disertakan bersama anggaran kejuruteraan untuk bentuk, kepadanan dan fungsi keluaran kita. Kita tidak boleh dengan secara sengaja mengelirukan, tidak memasukkan fakta atau data penting, atau membuat dakwaan palsu tentang keluaran kita. Semasa kita membuat perbandingan antara keluaran kita dengan keluaran pesaing, perbandingan mesti berdasarkan fakta, tepat (walaupun ia tidak ketara dari segi statistik), dan mudah Peneditan.

VI.8. Mutu

PERUNTUKAN KOD

Coherent berdedikasi terhadap kualiti. Kita berasa bangga terhadap segala mutu keluaran dan perkhidmatan yang kita sediakan. Tumpuan kita yang kuat pada keperluan pelanggan secara terus-menerus mendorong kita untuk bertambah baik.

Jika anda melihat cara untuk bertambah baik, atau mempunyai kebimbangan tentang keluaran atau proses Coherent, sila hubungi pengurus anda atau Jabatan Mutu.

VI.9. Topik Pematuhan Kawal Selia Lain

PERUNTUKAN KOD

Terdapat banyak undang-undang dan peraturan lain yang mengawal cara kita mengurus niaga.

Beberapa contoh termasuk undang-undang dan peraturan tentang:

- Keperluan keselamatan mata untuk laser.
- Bagaimana dan bila kita membuat pendedahan tentang acara korporat.
- Melaporkan kejadian di tapak kerja.

Jika anda mempunyai pertanyaan tentang mana-mana topik pematuhan kawal selia, sila hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan atau hantar e-mel ke corporate.compliance@coherent.com.

VII. Menyimpan Rekod Yang Tepat

VII.1. Menyimpan Rekod Kewangan Yang Tepat dan Mematuhi Kawalan Perakaunan Dalaman

PERUNTUKANKOD

Segala akaun syarikat Coherent mestilah lengkap, tepat dan boleh dipercayai. Itu memerlukan kita untuk merekodkan, memproses, menganalisis dan memastikan ketepatan segala maklumat menggunakan rukun dan prinsip perakaunan. Catatan yang mengelirukan atau palsu adalah dilarang sama sekali.

Kami bergantung kepada anda untuk memberitahu jika anda merasakan bahawa seseorang memaksa anda supaya menyediakan, mengubah, menyembunyikan atau memusnahkan dokumen yang melanggar Tata atau dasar Coherent.

Jika anda betul-betul percaya seseorang telah mengelirukan, atau telah memberikan pernyataan palsu atau tidak lengkap kepada akauntan, juruaudit, peguam atau pegawai kerajaan, anda mesti melaporkannya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat Dasar Antisogokan dan Antirasuah kita yang terletak di laman intranet Coherent.

Jika anda mempunyai pertanyaan tentang menyimpan rekod kewangan yang tepat dan mematuhi kawalan perakaunan dalaman, sila hubungi Jabatan Perundangan dan Pematuhan atau e-mel corporate.compliance@coherent.com.

VIII. Melindungi Aset dan Maklumat

VIII.1. Perlindungan Maklumat Sulit dan Harta Intelektual

PERUNTUKAN KOD

Semasa anda bekerja di Coherent, anda akan mempelajari maklumat sulit atau proprietari tentang syarikat kita, pelanggan, pembekal, rakan kongsi perniagaan dan pihak lain. Anda tidak boleh berkongsi maklumat ini dengan sesiapa di luar Coherent.

Harta intelektual adalah salah satu daripada aset kita yang paling berharga. Kita mesti melindungi dan menguatkuasakan hak harta intelektual kita. Kita juga menghormati hak harta intelektual orang lain.

Secara umumnya, harta intelektual yang dihasilkan semasa anda bekerja untuk Coherent adalah kepunyaan Coherent. Dalam sesetengah contoh, harta intelektual yang dibangunkan oleh Coherent untuk dan kepunyaan pelanggan. Pastikan anda memahami tanggungjawab anda berhubung apa-apa reka ciptaan atau idea yang dibangunkan oleh anda semasa anda adalah pekerja.

Jika anda mempunyai pertanyaan tentang harta intelek dan maklumat sulit atau proprietari, sila hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan atau hantar e-mel ke corporate.compliance@coherent.com.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

Harta intelek merangkumi:

- Hak cipta,
- Paten,
- Tanda dagangan,
- Rahsia perdagangan,
- Hak reka bentuk,
- Logo,
- Kepakaran, dan
- Lain-lain harta perdagangan atau industri tidak ketara.

VIII.2. Berkomunikasi dengan Pihak Media dan Pihak Luar Lain

PERUNTUKAN KOD

Tanpa keizinan yang jelas daripada Jabatan Komunikasi Korporat, pekerja tidak boleh:

- Bercakap dengan pihak media, pelabur atau juruanalisis bagi pihak Coherent;
- Menunjukkan bahawa anda bersuara bagi pihak Coherent; atau
- Memberikan komen kepada wartawan tentang hal-hal khusus yang berkaitan dengan perniagaan kita.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat Garis Panduan Komunikasi Luar Coherent yang terletak di laman intranet Coherent.

VIII.3. Mengambil Bahagian dalam Media Sosial

PERUNTUKAN KOD

Kiriman media sosial anda boleh menjejaskan reputasi kami dan hubungan dengan pekerja, pelanggan, pembekal dan pelabur lain. Semasa menggunakan media sosial, gunakan pertimbangan yang baik dan berkelakuan secara profesional.

Jangan bercakap bagi pihak syarikat melainkan syarikat memberikan kebenaran secara tersirat untuk anda melakukan demikian.

Anda sendiri adalah bertanggungjawab atas segala maklumat yang anda kongsi di media sosial.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat Dasar Media Sosial Coherent dan Garis Panduan Komunikasi Luar Coherent yang terdapat di laman intranet Coherent.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

- S.** Saya ingin menggunakan media sosial untuk memberitahu kawan dan keluarga saya hal semasa dalam kehidupan saya. Memandangkan saya berasa bangga dengan kerja saya dan apa yang saya lakukan, saya mahu mengirimi butiran tentang projek Coherent saya. Adakah ini dibenarkan?
- A.** Coherent mahu anda berasa bangga dengan syarikat dan kerja yang anda lakukan, tetapi membuat rujukan kepada projek, keluaran dan perkhidmatan Coherent boleh dianggap sebagai pengiklanan dan memerlukan kajian semula dan kelulusan terlebih dahulu oleh Coherent.

VIII. Melindungi Aset dan Maklumat

VIII.4. Perlindungan Aset dan Sumber Coherent

PERUNTUKAN KOD

Kita menggunakan aset syarikat untuk menjalankan perniagaan Coherent. Kita tidak menggunakannya untuk keuntungan peribadi atau memanfaatkan orang lain di luar Coherent. Kita mesti melindungi aset Coherent daripada kerugian, kecurian, kerosakan dan penggunaan bagi tujuan yang tidak wajar.

Gunakan sumber Coherent sahaja — komputer riba, telefon dan peranti lain, rangkaian, dan sistem dan capaian kepada Internet — seperti yang diperlukan bagi melakukan kerja anda dan menyokong perniagaan Coherent.

Jika anda mengesyaki kecurian atau penyalahgunaan aset syarikat, laporkannya serta merta.

Untuk penggunaan komputer dan peranti yang boleh diterima, baca Dasar Penggunaan Komputer Boleh Diterima Coherent yang ditemukan di laman intranet Coherent.

VIII.5. Privasi Data

PERUNTUKAN KOD

Coherent menghormati privasi pekerja dan rakan perniagaannya.

Kami mengendalikan data peribadi dengan bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang privasi dan dasar syarikat yang berkenaan. Di kebanyakan negara, penggunaan data peribadi adalah amat terbatas. Ini hanya boleh dikongsi jika semua peraturan berkenaan diikuti, walaupun ia dikongsi di antara atau dalam kalangan entiti Coherent.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, baca dasar Privasi Data dan Peraturan Perlindungan Data Umum (GDPR) Coherent yang ditemukan di laman intranet Coherent.

BANTUAN UNTUK PEMAHAMAN

- S. Bagaimanakah privasi data terpakai kepada kerja saya di Coherent?
- J. Anda sepatutnya memikirkan privasi data apabila anda melihat data peribadi pekerja atau individu yang mengurus niaga dengan kita, seperti pembekal dan pelanggan.

IX. Sumber untuk Mendapatkan Panduan atau Melaporkan Isu

Jika anda mempunyai pertanyaan atau kebimbangan berkenaan isu etika atau perlu melaporkan pelanggaran Tata yang disyaki, anda hendaklah membincangkannya dengan penyelia anda, ahli pasukan pengurusan, wakil HR tempatan anda atau wakil undang-undang dan pematuhan di **Corporate.Compliance@coherent.com**. Anda juga boleh menghubungi Talian Penting Pematuhan melalui telefon di **+1-866-829-3062 (AS)**, nombor telefon lokasi anda di halaman seterusnya atau secara dalam talian di **www.Coherent.ethicspoint.com**, tempat anda boleh membuat pilihan untuk melaporkan kebimbangan anda secara rahsia atau nama anda dirahsiakan.



NOMBOR TELEFON TALIAN PENTING MENGIKUT LOKASI

Lokasi

Nombor Telefon

Australia	1800 750 398
Belgium	0800 45 452
China	400 120 4121
Finland	0800 416229
Perancis	0 800 90 10 34
Jerman	0800 1812925
India	000 800 0502 093
Itali	800-909-702
Jepun	0800-222-0392
Malaysia	1800814915
Filipina	02 8231 3552
Belanda	0800-0227-454
Scotland	0800-088-5513
Singapura	800-852-6915
Korea Selatan	080-877-5427
Sweden	020 10 93 70
Switzerland	0800 837 252
Taipei	00801-49-1739
Thailand	1800012362
United Kingdom	0800-088-5513
Amerika Syarikat	1-866-829-3062
Vietnam dan Sepanyol	Akan Datang